

Kempen Simpan Je & Menang 2025 ("Kempen")

A) Terma dan Syarat

1. Kempen ini dianjurkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (No. Pendaftaran 197901003200 (47457-V)) ("ASNB").
2. Kempen ini akan bermula dari jam 00:00 (GMT + 8) pada 1 Januari 2025 sehingga jam 23:59 (GMT + 8) pada 31 Mac 2025 ("Tempoh Kempen"). ASNB, mengikut budi bicara mutlakanya, berhak untuk mengubah, menangguhkan, menjadualkan semula atau melanjutkan Tempoh Kempen.
3. Dengan menyertai Kempen ini, peserta Kempen bersetuju untuk terikat dengan terma and syarat di bawah.
4. **Kelayakan**
 - 4.1 Kempen ini terbuka kepada semua pemegang unit sedia ada bagi Amanah Saham Bumiputera ("ASB") kecuali semua kakitangan dan keluarga terdekat (pasangan dan anak-anak) kepada kakitangan kumpulan syarikat milik Permodalan Nasional Berhad (No. Pendaftaran 197801001190 (38218-X)) ("PNB") dan/atau entiti-entiti berikut yang mana terpakai:
 - i. PNB;
 - ii. ASNB;
 - iii. Pelaburan Hartanah Nasional Berhad (198801008611 (175967-W));
 - iv. PNB Merdeka Ventures Sdn Bhd (200001015384 (517991-A));
 - v. PNB Research Institute Sdn Bhd (198501007000 (139442-U));
 - vi. Jewel Digital Ventures Sdn Bhd (201901007717 (1317044-M));
 - vii. PNB Commercial Sdn Berhad (200001015419); dan
 - viii. Mana-mana syarikat dan/atau entiti lain yang dibenarkan oleh Lembaga Pengarah.
 - 4.2 Objektif Kempen ini adalah untuk menggalakkan pemegang unit Bumiputera untuk meningkatkan pelaburan mereka dalam ASB, mempromosikan pengekalan pelaburan sepanjang Tempoh Kempen, dan menggalakkan pelaburan jangka panjang untuk mendapat manfaat daripada kuasa pengkompaunan, dengan insentif tambahan untuk memenangi hadiah menarik yang ditawarkan dalam Kempen ini.
 - 4.3 Peserta Kempen ("Peserta") terdiri daripada pemegang unit yang telah berdaftar dalam Akaun Dewasa atau Akaun Remeja dalam ASB sepanjang Tempoh Kempen.

- 4.4 Untuk layak menyertai Kempen ini, Peserta mesti memenuhi syarat-syarat berikut:
- i. Peserta mesti mempunyai pelaburan minimum Ringgit Malaysia Seratus Ribu (RM100,000.00) dalam ASB sebelum permulaan Tempoh Kempen.
 - ii. Peserta mesti membuat pelaburan minimum Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000.00), boleh secara kumulatif, dalam ASB sepanjang Tempoh Kempen untuk memperoleh SATU (1) tiket penyertaan untuk cabutan hadiah.
- 4.5 Peserta yang melakukan sebarang transaksi penukaran atau pemindahan ke dalam ASB adalah tidak layak bagi Kempen ini.
- 4.6 Peserta tidak dibenarkan melakukan sebarang transaksi jualan balik, penukaran atau pemindahan (kecuali transaksi pemindahan bagi Wakaf ASNB) dalam ASB sepanjang Tempoh Kempen.
- 4.7 Peserta boleh membuat pelaburan minimum Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000.00) dalam unit Amanah ASNB yang lain SEKIRANYA kuota ASB tidak mencukupi.

5. **Tiket and Platform**

- 5.1 Peserta boleh memperoleh tiket tambahan melalui pelaburan berikutnya sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000.00) dalam ASB sepanjang Tempoh Kempen, sehingga maksimum SEPULUH (10) tiket bagi setiap Peserta.
- 5.2 Peserta mesti telah berjaya melabur dalam bentuk tunai melalui mana-mana platform berikut ("Platform"):
- i. Kaunter ("OTC") di cawangan ASNB dan ejen-ejennya;
 - ii. myASNB iaitu melalui portal (www.myASNB.com.my) dan/atau aplikasi mudah alih;
 - iii. Perbankan internet ejen-ejen ASNB yang menawarkan transaksi unit amanah ASNB termasuk MAE, Maybank2u, CIMB Octo, CIMB Clicks, RHB Now, Affin Online, HLB Connect, Bank Islam (Internet Banking, BIMB Mobile and BIMB Web) dan AmOnline;
 - iv. Ejen digital ASNB termasuk TouchnGo eWallet dan mana-mana ejen digital yang menawarkan transaksi unit amanah ASNB;
 - v. Mesin ATM Maybank dan CIMB Bank atau mana-mana mesin ATM yang menawarkan transaksi unit amanah ASNB;
 - vi. Skim Potongan Gaji ("SPG") (Kerajaan dan syarikat swasta);
 - vii. Arahkan Tetap melalui Maybank dan Bank Simpanan Nasional; atau
 - viii. Auto Labur melalui myASNB portal dan/atau aplikasi mudah alih.

6. **Pendaftaran**

- 6.1 Peserta mesti mendaftar untuk menyertai Kempen ini, melalui pilihan dua (2) kaedah berikut:

- i. Mengisi borang dalam talian (Microsoft/Google Form) melalui kod QR yang dipaparkan dalam semua bahan promosi Kempen. Maklumat mengenai pendaftaran Kempen melalui borang dalam talian juga boleh didapati dalam promosi Kempen di laman web ASNB (www.asnb.com.my), portal myASNB (www.myASNB.com.my), aplikasi myASNB, media sosial ASNB, cawangan ASNB, ejen bank ASNB dan mana-mana saluran media yang berkaitan. Peserta hanya perlu mendaftar sekali untuk Kempen sepanjang Tempoh Kempen; ATAU
- ii. Mengisi frasa 'SIMPANJE' pada kod rujukan semasa membuat transaksi pelaburan melalui aplikasi atau portal myASNB dengan pelaburan minimum yang layak untuk Kempen ini.

7. Pemilihan Pemenang dan Hadiah

7.1 Peserta yang layak akan dipilih secara rawak untuk pemilihan Pemenang Kempen ("Pemenang") melalui sistem komputer yang dikendalikan oleh ASNB selepas Tempoh Kempen berakhir.

7.2 Kempen ini menawarkan hadiah kepada lima ratus (500) Pemenang terdiri daripada pakej Umrah atau pelancongan untuk dua (2) orang, telefon pintar, jam tangan pintar, peralatan rumah dan e-baucar dengan jumlah keseluruhan hadiah bernilai RM500,000.00, di mana pilihan Pemenang adalah berdasarkan mekanik cabutan tiket.

7.3 Jadual 1: Cabutan hadiah

Tempat	Hadiah	Bilangan Pemenang
Pertama	Pakej Umrah atau Pelancongan (Eropah) untuk dua (2) orang bernilai RM30,000.00	3
Kedua	Pakej Umrah atau Pelancongan (Asia Timur) untuk dua (2) orang bernilai RM20,000.00	3
Ketiga	Pakej Umrah atau Pelancongan (ASEAN) untuk dua (2) orang bernilai RM15,000.00	3
Keempat	Apple iPhone 16 Pro 128GB	20
Kelima	Smartwatch Garmin Forerunner 165 Series	45
Keenam	SMEG Kettle 50's Style 1.7L	60
Ketujuh	Xiaomi Robot Vacuum E10	66
Kelapan	E-baucar RM200.00 Touch n Go	150
Kesembilan	E-baucar RM100.00 Touch n Go	150
Jumlah		500

- 7.4 Peserta hanya layak untuk memenangi satu (1) hadiah sahaja sepanjang Tempoh Kempen.
- 7.5 Hadiah adalah dalam bentuk barangan bukan tunai dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai. ASNB berhak untuk menggantikan hadiah dengan hadiah yang sama nilainya pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlakny.
- 7.6 Pemenang tempat pertama, kedua dan ketiga boleh memilih antara pakej Umrah atau pakej pelancongan yang disenaraikan dengan nilai yang setara.
- 7.7 ASNB akan menghubungi Pemenang untuk menebus hadiah melalui e-mel atau mana-mana saluran komunikasi yang sesuai dalam tempoh enam puluh (60) hari bekerja selepas Tempoh Kempen tamat. Pemenang mesti memberikan semua maklumat peribadi seperti nombor telefon dan alamat penghantaran yang sah semasa mengisi borang dalam talian (Microsoft/Google Form) yang disediakan melalui e-mel untuk urusan pembahagian hadiah.
- 7.8 Sekiranya Pemenang tidak memberi maklum balas dan/atau memenuhi sebarang keperluan yang berkaitan dengan pengaturan hadiah dalam tempoh enam puluh (60) hari bekerja selepas dihubungi oleh ASNB melalui mana-mana saluran komunikasi yang sesuai, ASNB berhak untuk membatalkan kemenangan tersebut.
- 7.9 Senarai Pemenang juga akan diterbitkan oleh ASNB melalui mana-mana saluran komunikasi yang sesuai seperti laman web ASNB (www.asnb.com.my) atau platform media sosial milik ASNB.

B) Terma dan Syarat Am

1. Setiap Peserta bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, Peserta membenarkan dan memberi kebenaran kepada ASNB untuk:
 - 1.1 mengumpul, menyimpan, memproses dan menggunakan semua maklumat dan data peribadi yang telah diberikan oleh peserta kepada ASNB semasa menyertai Kempen ini termasuk gambar peserta dan/atau pemenang, jika ada, ("Data Peribadi") mengikut dasar privasi ASNB yang dinyatakan di laman web ASNB di www.asnb.com.my; dan
 - 1.2 mendedahkan dan berkongsi Data Peribadi antara kumpulan syarikat kami, ejen yang dibenarkan dan penyedia perkhidmatan (yang telah bersetuju untuk menjaga kerahsiaan Data Peribadi anda) untuk tujuan menyediakan produk dan perkhidmatan kami atau mana-mana perkhidmatan berkaitan dan apa-apa tujuan lain yang

berkaitan mengikut keperluan undang-undang yang relevan, tanpa sebarang bayaran atau pampasan.

2. Semua Pemenang Kempen ini akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua cukai, kadar, yuran kerajaan, atau caj lain yang mungkin dikenakan ke atas mereka mengikut undang-undang yang terpakai berkaitan dengan hadiah dan Kempen ini.
3. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, ASNBN tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, yang timbul berhubung dengan Kempen ini.
4. ASNBN tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan berhubung dengan Kempen ini disebabkan oleh sebarang kejadian luar biasa, peperangan, rusuhan, mogok, penutupan, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, pandemik, kegagalan teknikal atau sistem, atau apa-apa peristiwa yang berada di luar kawalan munasabah ASNBN.
5. ASNBN berhak, pada bila-bila masa, untuk mengubah, memendekkan, membatalkan, menggantung atau menamatkan Kempen ini lebih awal secara keseluruhan, atau sebahagian, atau mengubah, memadam atau menambah mana-mana Terma dan Syarat di sini dengan memberikan notis bertulis melalui mana-mana saluran komunikasi yang sesuai kepada Peserta.
6. ASNBN berhak untuk menentukan dan/atau menolak mana-mana Peserta yang tidak mematuhi terma dan syarat Kempen ini seperti yang dinyatakan di sini dan/atau didapati atau disyaki mengganggu Kempen ini dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini. Gangguan adalah termasuk aktiviti penipuan yang melibatkan sebarang perbuatan salah laku dan/atau penipuan berkaitan dengan Kempen ini.
7. ASNBN tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian yang timbul sama ada secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan peserta dalam Kempen ini atau sebaliknya.
8. Terma dan syarat Kempen ini, termasuk sebarang pindaan, pemadaman, atau penambahan, akan mengatasi sebarang peruntukan atau pernyataan yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi, sama ada cetakan atau elektronik, yang mengiklankan Kempen ini.
9. Sebarang keputusan oleh ASNBN mengenai senarai pemenang Kempen ini untuk hadiah adalah muktamad dan sebarang rayuan atau pertikaian tidak akan dilayan.
10. Jika pemenang Kempen ini tidak memberi respon/gagal dihubungi oleh ASNBN dalam tempoh yang ditetapkan melalui mana-mana saluran komunikasi yang sesuai, ASNBN berhak untuk membatalkan hadiah tersebut.

11. Terma dan syarat Kempen ini akan ditadbir oleh undang-undang Malaysia.
12. Terma dan syarat Kempen ini dikeluarkan dalam kedua-dua bahasa, Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat percanggahan antara kedua-dua versi, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.